

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 NOVEMBER 2016

UPKO GESA TARIK BALIK MYKAD MERAGUKAN DI SABAH

Shafie pertahan tindakan Dr Mahathir

BH - 14/11/2016

Penampang: Bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mempertahankan Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pengeluaran kad pengenalan secara tidak sah kepada warga asing di Sabah.

Beliau yang kini Presiden Parti Warisan Sabah turut mempersoalkan mengapa baru sekarang bekas Perdana Menteri itu mahu diper-salahkan.

“Mengapa salahkan Dr Mahathir sekarang? Jika mereka fikir ia (sah), mereka boleh membetulkan,” katanya ketika ditemui pemberita

selepas melakukan tinjauan di pekan Donggongon, di sini semalam.

Kelmarin, Pemangku Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO), Datuk Seri Madius Tangau ketika berucap pada majlis perasmian konvensyen parti berkenaan, mahu Dr Mahathir dipertanggungjawabkan dalam isu pemberian kad pengenalan kepada warga asing di Sabah.

Tonton di YouTube

Tangau mendakwa bekas Perdana

Menteri membuat pengakuan mengenai perkara itu menerusi laman YouTube yang turut dipertontonkan kepada perwakilan konvensyen berkenaan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, meminta kerajaan menarik balik semua kad pengenalan Malaysia yang dikeluarkan di Sabah bagi membolehkan status pemilik dokumen itu disemak semula dan memastikan hanya rakyat Malaysia mendapatnya.

Shafie turut menyindir Barisan Nasional (BN) apabila menyaran-



Mengapa salahkan Dr Mahathir sekarang? Jika mereka fikir ia (sah), mereka boleh membetulkan”

Mohd Shafie Apdal,
Presiden Parti Warisan Sabah

kan supaya gabungan parti itu serta kerajaan memberi tumpuan kepada usaha menyelesaikan masalah berkaitan kad pengenalan meragukan di negeri ini.

“Kerajaan BN berkuasa dan boleh mengambil langkah yang diperlukan untuk menyelesaikan isu ini,” katanya sambil disokong Timbalannya, Darell Leiking yang meminta UMNO Sabah menyatakan pendirian berhubung cadangan pengeluaran kad pengenalan baharu kepada semua pemilik MyKad di Sabah.

“Kita mahu tahu kedudukan dan pendirian rasmi UMNO Sabah atas permintaan berulang kali (pengeluaran MyKad baharu di Sabah) yang turut diminta oleh parti komponen BN, selain parti pembangkang sejak beberapa tahun lalu,” kata Leiking.